

inAipitant apreipitant 80mg hard capsules

inAipitant apreipitant 125mg hard capsules

Apreipitant (80mg, 125mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan inAipitant
2. Bagaimana inAipitant berfungsi
3. Sebelum menggunakan inAipitant
4. Cara menggunakan inAipitant
5. Semasa menggunakan inAipitant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan inAipitant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan inAipitant

InAipitant digunakan bersama dengan ubat lain untuk mencegah dan mengawal loya (rasa mual) dan muntah-muntah yang disebabkan oleh rawatan kemoterapi kanser anda.

Bagaimana inAipitant berfungsi

InAipitant tergolong dalam kelas ubat yang digelar antagonis reseptor neurokinin 1 (NK₁) yang bertindak dengan menghalang isyarat daripada dihantar ke bahagian otak yang mengawal loya dan muntah-muntah.

Sebelum menggunakan inAipitant

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil inAipitant jika anda alah terhadap mana-mana bahan kandungan ubat ini (disenaraikan di Maklumat lanjut)

- Sebelum mula menggunakan inAipitant

Beritahu doktor anda sebelum mengambil inAipitant

- Jika anda mempunyai masalah kesihatan yang pernah atau sedang dihadapi.
- Jika anda mempunyai sebarang alahan.
- Jika anda sedang atau merancang untuk mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi atau produk herba.
- Jika anda tidak bertoleransi terhadap sesetengah gula kerana ubat ini mengandungi sukrosa.

Kehamilan dan Penyusuan Bayi

Jika anda hamil atau sedang menyusu badan, mungkin hamil atau merancang untuk mengandungi, tanya nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Penggunaan oleh Kanak-kanak

Penggunaan apreipitant belum dikaji terhadap kanak-kanak dengan secukupnya. Oleh itu, inAipitant tidak harus diberi kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

Penggunaan oleh Warga Emas

Keberkesanan apreipitant dan toleransi kepada apreipitant adalah sama di kalangan orang tua dan orang dewasa. Dos tidak perlu diubahsuai untuk orang tua.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan mengambil inAipitant dengan ubat yang mengandungi *pimozide* (digunakan untuk merawat penyakit mental), *terfenadine* dan *astemizole*

(digunakan untuk merawat *hay fever* atau keadaan alahan yang lain), atau *cisapride* (digunakan untuk merawat masalah penghadaman). Mengambil inAipitant bersama dengan ubat-ubat ini boleh mengakibatkan masalah yang serius ataupun mengancam nyawa.

InAipitant mungkin berinteraksi dengan ubat-ubatan lain. Ini mungkin mengelakkan ubat-ubatan daripada berfungsi dengan baik, ataupun menyebabkan sebarang kesan sampingan menjadi lebih teruk. Beritahu doktor jika anda sedang mengambil:

- *cyclosporine*, *tacrolimus*, *sirolimus*, *everolimus* (penindas system imun)
- *alfentanil*, *fentanyl* (digunakan untuk merawat kesakitan)
- *quinidine* (digunakan untuk merawat degupan jantung yang tidak teratur)
- *irinotecan*, *etoposide*, *vinorelbine*, *ifosfamide* (digunakan untuk merawat kanser)
- *ergotamine*, *diergotamine* (digunakan untuk merawat migrain)
- *midazolam*, *triazolam*, *phenobarbital* (ubat yang menenangkan anda atau membantu anda untuk tidur)
- perencat protease (digunakan untuk merawat jangkitan HIV)
- *ketoconazole*, *itraconazole*, *voriconazole*, *posaconazole* (antikulat)
- *nefazodone* (digunakan untuk merawat kemurungan)

inApidant aprepitant 80mg hard capsules

inApidant aprepitant 125mg hard capsules

Aprepitant (80mg, 125mg)

- ubat antikeresahan (seperti *alprazolam*)
- ubat pencegah kehamilan (yang mungkin tidak akan bertindak dengan sebaiknya jika diambil bersama-sama dengan aprepitant)
- *warfarin*, *acenocoumarol* (ubat pencair darah)
- *ketoconazole* (ubat antikulat)
- *rifampin*, *clarithromycin*, *telithromycin* (antibiotik)
- kortikosteroid (seperti dexamethasone dan methylprednisolone) methyuntuk merawat keradangan)
- *carbamazepine* (ubat untuk merawat kemurungan dan epilepsi)
- St John's wort (ubat herba untuk merawat kemurungan)
- *tolbutamide* (ubat untuk merawat penyakit kencing manis)
- *phenytoin* (ubat untuk merawat sawan)

inApidant mengandungi sukrosa inApidant Hard Capsules mengandungi sukrosa. Jika anda diberitahu oleh doktor yang anda tidak bertoleransi terhadap sesetengah gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

inApidant mengandungi natrium Ubat ini mengandungi kurang daripada 1 mmol natrium (23 mg) setiap kapsul, boleh dikatakan "bebas natrium".

Cara menggunakan inApidant

- *Berapa banyak harus digunakan dan bila perlu digunakan*

InApidant diberikan untuk 3 hari:

Hari pertama (Hari kemoterapi): Ambil satu kapsul inApidant 125mg satu jam sebelum memulakan rawatan kemoterapi anda.

Hari kedua dan hari ketiga (Kedua-dua hari selepas kemoterapi):

Ambil satu kapsul inApidant 80mg setiap pagi selama dua hari selepas rawatan kemoterapi anda.

InApidant boleh diambil berserta makanan ataupun tanpa makanan.

- *Berapa lama perlu digunakan* InApidant diambil selama 3 hari.

- *Jika terlupa menggunakan*

Tanya doktor atau ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- *Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil inApidant lebih daripada dos yang ditetapkan.

Semasa menggunakan inApidant

- *Perkara yang perlu dilakukan* Ambil ubat sebagaimana yang diberitahu oleh doktor anda.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil inApidant.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat ini melainkan disuruh oleh doktor anda.

Ubat ini hanya diberi untuk anda, jangan memberi ubat ini kepada orang lain.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan menggunakan mesin

Sesetengah orang akan berasa pening dan mengantuk selepas mengambil inApidant. Jika anda berasa pening atau mengantuk, elakkan daripada memandu, mengayuh basikal atau menggunakan mesin atau peralatan selepas mengambil ubat ini. (lihat 'Kesan-kesan sampingan').

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Biasa

- Sakit kepala
- Hilang selera makan
- Cegukan
- Sembelit, ketidakhadaman
- Letih
- Peningkatan jumlah ALT (sejenis enzim yang terutamanya hadir di dalam hati) dalam darah anda

Tidak biasa

- Pengurangan sel darah merah

inAipitant aprepitant 80mg hard capsules inAipitant aprepitant 125mg hard capsules

Aprepitant (80mg, 125mg)

- Demam dengan risiko jangkitan yang meningkat
- Kerisauan
- Pening, mengantuk
- Denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur
- Kepanasan/ kemerahan pada muka atau kulit
- Sendawa, loya, pedih hati, muntah-muntah, sakit perut, mulut kering, perut berangin
- ruam, jerawat
- Rasa kesakitan yang meningkat semasa kencing
- Lemah, rasa tidak sihat
- Peningkatan jumlah AST dan *alkaline phosphatase* (kedua-duanya enzim) dalam darah anda

Jarang

- Jangkitan bakteria, jangkitan kulat
- Perasaan dahaga yang berlebihan
- *Euphoria* (perasaan terlalu gembira), disorientasi
- Kesusahan memikir, kekurangan tenaga, gangguan deria rasa
- Konjungtivitis (jangkitan pada mata)
- Bunyi berdering pada telinga
- Denyutan jantung perlahan, penyakit hati dan saluran darah
- Sakit tekak, bersin, batuk, lendir dalam tekak, kerengsaan pada tekak
- Sembelit yang teruk, ulser perut, keradangan pada usus kecil dan kolon, kudis dalam mulut, rasa kembung perut
- Kulit sensitif terhadap cahaya matahari, berpeluh secara berlebihan, kulit berminyak, kudis pada kulit, ruam yang gatal, *Stevens-Johnson syndrome/ toxic epidermal*

necrolysis (reaksi kulit yang teruk)

- Kekejangan otot, kelemahan otot
- Kerap membuang air kencing
- Kebengkakan, ketidakselesaan pada dada, ketidakupayaan untuk berjalan secara normal
- Membuang lebih air kencing daripada biasa, air kencing mengandungi gula atau darah
- Kandungan garam yang rendah dalam darah, penurunan berat badan, kandungn sel-sel darah putih yang berkurang

Kekerapan tidak diketahui

- Reaksi hipersensitiviti
- Kegatalan, alahan pada kulit

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan-kesan sampingan. Ini termasuk mana-mana kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan inAipitant

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Simpan ubat ini di luar capaian kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput seperti yang dicetak pada bungkusan. Tarikh luput

merujuk kepada hari terakhir untuk bulan tersebut.

-Pelupusan

Jangan membuang sebarang ubat-ubatan melalui air kumbahan atau sisa rumahtangga. Tanya ahli farmasi anda cara membuang ubat-ubatan yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

InAipitant 80mg hard capsule merupakan kapsul gelatin No 2 yang keras dan legap, berwarna putih dan dicetak dengan perkataan “80mg” dengan dakwat hitam.

InAipitant 125mg hard capsule merupakan kapsul gelatin No 1 yang keras dan legap, berwarna merah jambu dan putih dan dicetak dengan perkataan “125mg” dengan dakwat hitam.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Bahan aktif ialah aprepitant. InAipitant 80mg hard capsule mengandungi 80mg aprepitant. InAipitant 125mg hard capsule mengandungi 125mg aprepitant.

-Bahan tidak aktif
Hypromellose 2910, Poloxamer 407, Purified Water, Sucrose, Cellulose (microcrystalline), Gelatin, Sodium laurilsulfate, Titanium

inApitant aprepitant 80mg hard capsules

inApitant aprepitant 125mg hard capsules

Aprepitant (80mg, 125mg)

dioxide (E171, CI 77891) dan
Black Printing Ink
InApitant 125mg hard capsule
juga mengandungi *Iron oxide*
Red (E172, CI 77491)

Nombor MAL:

- InApitant 80mg MAL22076028ACZ
- InApitant 120mg MAL22076026ACZ

Pengilang

Pharmathen International S.A
Industrial Park Sapes
Rodopi Prefecture
Block No 5
Rodopi 69300

Pemegang Pendaftaran Produk

Intega Sdn Bhd
8-08, Level 8, Menara MBMR,
No. 1, Jalan Syed Putra,
58000 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tarikh kemaskini

19/02/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 21/130